



Ramsay (kanan) meraikan jaringan pertama FELDA United ketika menewaskan UKM di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, semalam.

LIGA PERDANA

Sathia tak puas hati aksi anak buah

Selayang: Pengendali FELDA United FC, B Sathianathan tidak berpuas hati dengan persembahan keseluruhan pasukannya walaupun The Fighters menewaskan UKM FC 2-1 pada aksi Liga Perdana di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, semalam.

Bagaimanapun, bekas pengendali Harimau Malaya itu memahami faktor beraksi di sebelah petang memberi kesan terhadap persembahan barisan pemainnya.

"Secara keseluruhan saya tidak berpuas hati (persem-

bahan pemain) kerana kami boleh beraksi lebih baik. Tahniah kepada UKM kerana beraksi dengan baik dan memberi tekanan kepada pasukan saya.

Cipta banyak peluang

"Apa yang saya marah, banyak peluang yang kami cipta tapi tidak dapat menjaringkan gol. Tapi saya faham, bermain pada jam 4.45 petang memang sukar.

"Ini kali pertama kami beraksi sebelah petang selepas sekian lama, tapi kami bernasib baik kerana mendapat tiga mata, itu yang penting," katanya ketika

ditemui selepas perlawanan.

Pada aksi semalam, FELDA United di depan pada minit ke-36 selepas Iain Ramsay menang menyudahkan hantaran Wan Zack Haikal Wan Nor.

Wan Zack terus bertindak cemerlang apabila meledak gol kedua The Fighters pada minit ke-67 hasil satu sepakan lencong menarik dari luar kotak penalti.

UKM terpaksa menunggu hingga ke masa kecederaan untuk merapatkan kedudukan menerusi Waheed Akanni Oseni, namun ia sudah terlambat untuk sekurang-kurangnya

mendapatkan satu mata.

Sementara itu, jurulatih UKM, Sulaiman Hussin menganggap kekalahan berdepan bekas pasukan Liga Super, FELDA United menjadi pengajaran berguna berguna buat pemainnya yang kali pertama beraksi dalam kancah Liga Perdana.

"Kami jadikan perlawanan hari ini sebagai pengajaran untuk kami tampil dengan aksi lebih baik selepas ini. Berdepan pasukan FELDA United yang lebih berpengalaman memang satu tugas yang sukar," katanya.

Oleh Zulfaizan Mansor